

VIDEO PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU UNTUK PELAJAR CHINA

CHONG SOK FONG
Universiti Kebangsaan Malaysia
jess@mytranslationguru.com

RAHIM AMAN*
Universiti Kebangsaan Malaysia
tuntas@ukm.edu.my

**Pengarang Perantara*

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk menganalisis jenis video pembelajaran bahasa Melayu (BM) yang digemari oleh pelajar China dalam pembelajaran bahasa Melayu dalam media sosial. Kemajuan teknologi, perkembangan BM, pengukuhan hubungan diplomatik antara China dan Malaysia dan kejadian pandemik Covid-19 menyumbang kepada perkembangan pembelajaran BM dalam talian. Kajian analisis ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kuantitatif iaitu menjalankan analisis melalui data yang terkumpul dalam media sosial *Wechat channel Mytranslationguru*. 10 daripada 240 video yang dimuat naik pada tahun 2024 yang mendapat sambutan terbaik dalam media sosial *Wechat channel Mytranslationguru* telah dikaji. Hasil kajian ini menunjukkan 8/10 video yang mendapat sambutan tertinggi daripada pelajar China ialah video berbentuk “BM komunikasi dalam kehidupan seharian”. Video yang mendapat komen negatif atau kritikan yang banyak turut menarik minat pelajar China untuk menonton video tersebut. Video pembelajaran BM yang berkualiti memerlukan rujukan kepada sumber-sumber yang boleh dipercayai dan perlu disemak secara teliti agar bebas daripada segala kesilapan teknikal sebelum dimuat naik ke media sosial. Implikasi daripada kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu pelajar China dalam talian melalui video dalam media sosial.

Kata kunci: bahasa asing; media sosial; pelajar China; pembelajaran bahasa Melayu; video pembelajaran; *Wechat channel*

ABSTRACT

This study was conducted to analyze the types of Malay language learning videos preferred by Chinese students for learning Malay on social media. Technological advancements, the development of the Malay language, strengthened diplomatic relations between China and Malaysia, and the COVID-19 pandemic have contributed to the growth of online Malay language learning. This analytical study was carried out using a quantitative method, analyzing data collected from the *WeChat channel Mytranslationguru*. Ten out of 240 videos uploaded in

2024 that received the most engagement on the *WeChat channel Mytranslationguru* were studied. The results of this study show that 8 out of 10 videos with the highest engagement from Chinese students were videos on “Malay for communication in Daily Life.” Additionally, videos that received negative comments or significant criticism also attracted the interest of Chinese students to watch them. High-quality Malay language learning videos require references to reliable sources and thorough review to ensure they are free from technical errors before being uploaded to social media. The implications of this study are expected to contribute to the teaching and learning of Malay for Chinese students online through video in social media

Keywords: China students; foreign language; learning video; Malay language learning; social media; *Wechat channel*;

PENGENALAN

Kemajuan teknologi telah membawa manfaat kepada pembelajaran dan pengajaran. Pelbagai aplikasi dapat membantu pelajar dan pengajar untuk menguasai pengetahuan dan ilmu dengan lebih berkesan. Pandemik Covid-19 yang bermula pada 18 Mac, 2020 menyebabkan proses pembelajaran dan pengajaran secara dalam talian telah menjadi kemestian dan bukan lagi pilihan. Penggunaan media elektronik dalam pembelajaran dan pengajaran membawa faedah seperti akses bahan pendidikan yang lebih meluas di samping menggalakkan komunikasi antara pelajar dan pengajar. Pembelajaran secara dalam talian telah mengatasi faktor jarak dan telah meningkatkan pengetahuan teknologi dan pembelajaran sendiri dalam kalangan pelajar. Kemajuan teknologi perlu dimanfaatkan oleh pelajar untuk keperluan pembelajaran mereka.

Bahasa Melayu semakin berkembang berikutan dengan pengukuhan hubungan diplomatik antara Malaysia dan China. Perkembangan ini jelas dilihat dalam sektor perdagangan, pendidikan dan pelancongan. Interaksi yang semakin meningkat dalam budaya dan ekonomi telah mendorong minat terdapat keperluan pembelajaran dan penguasaan BM di China, khususnya untuk memahami dan mendalami budaya dan masyarakat Malaysia. Keperluan mempelajari BM di China adalah relevan dalam konteks strategi diplomatik “*One Belt, One Road*” (*OBOR*) antara Malaysia dan China, di mana Malaysia menjadi rakan dagang penting dalam laluan ekonomi maritim. Selain itu, kehadiran pelabur dan syarikat China yang semakin meningkat di Malaysia mengakibatkan mereka yang berupaya untuk berkomunikasi dalam BM mempunyai kelebihan persaingan. Penggunaan BM juga semakin meningkat dalam akademi dan institusi pendidikan di China telah menggambarkan penduduk China mempunyai minat yang mendalam dalam memahami Malaysia bukan sahaja sebagai rakan ekonomi yang erat, tetapi juga sebagai rakan strategik yang penting dalam lanskap Asia Tenggara.

Teknologi digital telah membawa perubahan ketara kepada cara hidup dan cara memperolehi pengetahuan bagi manusia. Malaysia, sebuah negara yang terkenal dengan kepelbagaian budaya dan kaya dengan warisan linguistik, bertekad untuk meluaskan jangkauan program pendidikan bahasanya di pentas dunia. Integrasi kebudayaan dan polisi kerajaan Malaysia yang menggalakkan penduduk China untuk memulakan perniagaan, bekerja, melanjutkan pelajaran atau menetap di Malaysia merupakan daya penggalak penduduk China untuk mempelajari bahasa Melayu (BM). Platform pengajaran dalam talian boleh menyediakan akses dan fleksibiliti kepada pelajar China yang ingin menguasai bahasa Melayu, memupuk pertukaran budaya dan mengukuhkan hubungan diplomatik antara kedua-dua negara. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji video pembelajaran bahasa Melayu dalam talian yang dapat menarik minat pelajar China dalam platform media sosial khas untuk pelajar China, yang bertumpu kepada pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing.

PERMASALAHAN KAJIAN

Pembelajaran bahasa Melayu oleh pelajar China sudah menampakkan perkembangan yang menggalakkan di negara Malaysia dan negara China berikutan dengan hubungan diplomatik yang baik antara dua negara. Semakin banyak kajian berkenaan perkembangan bahasa Melayu di negara China terhasil oleh ahli bahasa di Malaysia dan di China. Rata-ratanya mengkaji tentang pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar China (Goh & Su 2024); kekangan pelajar asing dalam menguasai bahasa Melayu (Siti 2013; Yang & Vijayaletchumy 2012; Noor & Siti 2017); cabaran mengajar bahasa Melayu kepada penutur asing (Khuzaiton & Thana 2014; Dilah 2018; Mazlina & Azlina 2019); kesilapan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing (Salinah & Rohaidah 2016); masalah-masalah pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua (Muhammad 1979); motivasi dan halangan bagi pelajar asing menguasai bahasa Melayu (Halimah et al. 2021); dan strategi pembelajaran bahasa Melayu untuk pelajar asing (Zambri et al. 2014; Hazlina et al. 2015; Juwairah et al. 2018; Yong et al. 2010; Noor & Siti 2016).

Berikutan dengan pandemik Covid-19, kursus pembelajaran dalam talian berkembang pesat di seluruh dunia. Pembelajaran mudah alih dan penggunaan teknologi bersesuaian dengan keperluan masyarakat dapat memberikan sokongan kepada pengguna untuk meneruskan pengajaran dan pembelajaran dengan baik (Nabila Atika & Md Yusoff 2017). Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) berkembang pesat berikutan dengan kejadian pandemik Covid-19 di Malaysia. Demi penghasilan PdPR yang berkualiti, para pendidik mengambil pelbagai inisiatif untuk menarik perhatian pelajar untuk belajar dalam talian melalui penghasilan video pengajaran yang lebih kreatif dan bermanfaat kepada pelajar. Menurut kajian Zazali Shafinaz & Ahmad Nurzid (2021), selain tiga elemen (audio, penglihatan dan pergerakan) yang perlu dititikberatkan dalam penghasilan video pembelajaran, 6 elemen dan ciri-ciri lain iaitu kejelasan maklumat, berdiri sendiri, mesra pengguna, isi kandungan, penggambaran dan media serta penggunaan kualiti resolusi yang tinggi turut diambil kira dalam menghasilkan video pembelajaran yang berkualiti. Walaubagaimanapun, isi kandungan video yang ditegaskan hanyalah merujuk kepada video pembelajaran yang bersesuaian dengan tujuan atau objektif pembelajaran pelajar. Keterangan untuk isi kandungan video dan cara persembahan video tidak diteliti dalam kajian ini. Oleh itu, dalam kajian ini akan membincangkan tentang jenis video dan cara persembahan video pembelajaran bahasa Melayu untuk pelajar China.

KAJIAN LITERATUR

Pembelajaran mudah alih ialah pembelajaran yang menggunakan teknologi peranti mudah alih yang membantu pengguna untuk mempelajari maklumat, rujukan atau trend yang berguna pada satu-satu masa (Yulius Hari, Darmanto & Minny Elisa 2016). Pembelajaran mudah alih memudahkan pengguna terutamanya pelajar untuk mendalami ilmu pengetahuan tanpa mengira tempat atau masa (Abd Rahman & Mohd Hisham 2011). Penggunaan teknologi bersesuaian dengan keperluan masyarakat dapat memberikan sokongan kepada pengguna untuk meneruskan pengajaran dan pembelajaran dengan baik (Nabila Atika & Md Yusoff 2017).

Perubahan dalam kaedah pendidikan jelas dilihat dari kaedah tradisional kepada pembelajaran berkonsep teknologi dan digital berikutan perkembangan dalam teknologi maklumat dan peningkatan orang ramai dalam penggunaan internet dalam kehidupan harian. Pembelajaran mudah alih dan penggunaan media digital berkembang pesat dari segi aplikasi, falsafah dan piawaian. Ini telah memberikan impak yang besar kepada pelajar untuk menyambung ilmu dan kepakaran mereka perlukan tanpa mengira masa dan tempat (Little 2012).

Rabiatul & Halimah (2010) berpendapat bahawa teknologi multimedia merupakan satu medium pengajaran baharu yang berkesan kerana ia dapat menyepadukan pelbagai bentuk media termasuklah teks, suara, imej, grafik dan animasi serta dapat membentuk kebolehan interaktiviti yang mampu menarik minat pelajar serta menyokong perkembangan pembelajaran pelajar. Penggunaan pembelajaran secara interaktif digital membolehkan pelajar lebih terpicat dan terpengaruh dengan penggunaan bahan-bahan berteknologi kerana bentuk interaktif digital ini mempunyai gambar-gambar yang bergerak dengan warna-warna yang menarik dan sesuai dengan sifat semula jadi pelajar (Syahrul Nizam 2009).

Abdullah Hassan, Mardian Shah & Hasmidar (2023) berpandangan bahawa penggunaan peralatan digital menjadi lebih menyeluruh pada era pembelajaran abad ke-21, yang merangkumi computer riba, tablet dan telefon pintar yang menjadi medium pengaplikasian kaedah interaktif digital. Kaedah ini merupakan satu kaedah pengajaran yang boleh dimanfaatkan oleh guru dalam pengajaran bahasa Melayu kepada pelajar asing. Ramai guru percaya bahawa teknik atau kaedah interaktif digital sedemikian dapat menarik minat pelajar asing dalam mempelajari dan memahami bahasa Melayu.

Banyak kajian lepas menekankan kepada kepentingan, kelebihan dan keberkesanan penginterasian teknologi dalam pengajaran. Penggunaan teknologi dengan baik dalam pengajaran dapat membantu guru atau pendidik meningkatkan cara dan kaedah pengajaran. Menurut Nor Hafidah, Melor Fauzita dan Norzaliza (2016), penggunaan teknologi dan interaktif digital adalah seperti memuat turun video menerusi aplikasi *YouTube*, paparan rakaman video, aplikasi dengan menggunakan *iPad* dan juga penggunaan aplikasi melalui telefon bimbit. Kajian Doyle (2007) menjelaskan bahawa pembelajaran menggunakan multimedia lebih berkesan dan sesuai diaplikasikan dalam mana-mana mata pelajaran, malah amat mudah digunakan bagi menerangkan sesuatu dalam sesi pembelajaran.

Zamri & Mohamed Amin (2008) menggabungkan teori dan praktis dalam menghasilkan pengalaman pembelajaran yang lebih interaktif dan bermakna dengan meneliti bagaimana ICT boleh digunakan secara efektif dalam pengajaran bahasa Melayu. Rozita Rahniah & Abdul Rashid (2012) meneliti amalan pengajaran karangan guru cemerlang di dalam bilik darjah, dapatan kajian menunjukkan bahawa kaedah pengajaran yang lebih dinamik, sesuai dengan perkembangan teknologi maklumat perlu diselia dengan betul dan dimanfaatkan seboleh mungkin dalam PdP.

Ismail (2002) dalam kajiannya tentang kursus penulisan teknikal mendapati bahawa terbuktinya penggunaan *www (world wide web)* sebagai salah satu elemen Internet, pembelajaran penulisan menjadi lebih berkesan jika dibandingkan dengan kaedah tradisional. Nuraihan Mat Daud (2018) membincangkan kepentingan dan keberkesanan penggunaan kaedah interaktif digital dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu untuk pelajar asing. Menurut Nuraihan, rangkaian sosial seperti *wiki, Facebook, blog, Padlet, Tumblr* boleh dimanfaatkan penggunaannya demi menjadikan pengalaman pembelajaran lebih bermakna.

Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) berkembang pesat berikutan dengan kejadian pandemik Covid-19 di Malaysia. Demi penghasilan PdPR yang berkualiti, para pendidik mengambil pelbagai inisiatif untuk menarik perhatian pelajar untuk belajar dalam talian melalui penghasilan video pengajaran yang lebih kreatif dan bermanfaat kepada pelajar. Kepekaan terhadap teknologi maklumat serta bidang pembinaan video pengajaran berperanan penting berikutan perkembangan pendidikan global yang memerlukan kemahiran dalam pembuatan video pengajaran yang realistik dan menarik.

Perkembangan teknologi maklumat terhadap pendidikan dapat meningkatkan kecekapan dan keberkesanan hasil pembelajaran pelajar. Pelaksanaan PdPR dalam talian boleh dilakukan dengan menggunakan *Digital Educational Learning Initiative Malaysia (DELIMa), Cikgootube, EduWebTv*, aplikasi media sosial, Aplikasi webinar (*Google Meet* atau *Microsoft*

Teams secara lintas langsung), e-Permainan (*e-Gamification*), video, klip audio, buku elektronik, rakaman dan tugasan dalam talian (Zazali Shafinaz & Ahmad Nurzid 2021).

Zazali Shafinaz & Ahmad Nurzid (2021) menjelaskan bahawa penggunaan video dalam proses pembelajaran berupaya mendatangkan tiga kebaikan, iaitu:

1. Menjelaskan dan memudahkan penyampaian sesuatu maklumat supaya tidak bergantung kepada lisan sahaja.
2. Mengatasi keterbatasan waktu, ruang dan daya penglihatan murid mahupun struktur pembelajaran.
3. Dapat dihasilkan mengikut kreativiti, bervariasi dan tepat.

Video pembelajaran mengandungi tiga elemen penting (Rizal Farista et al. 2018), iaitu:

1. Audio (*sound*) yang ditakrifkan sebagai media penyiaran (telekomunikasi), dan media rakaman (*recording*);
2. Penglihatan (*visual*) yang mengandungi tiga elemen iaitu gambaran, garis atau simbol yang merupakan satu kesinambungan dari bentuk yang dapat dilihat dengan pancaindera kasar; dan
3. Gerakan (*motion*).

Zazali Shafinaz & Ahmad Nurzid (2021) menegaskan bahawa selain tiga elemen yang perlu dititikberatkan dalam penghasilan video pembelajaran, elemen dan ciri-ciri lain turut diambil kira dalam menghasilkan video pembelajaran yang berkualiti:

1. *Clarity of message* (kejelasan maklumat)
Pelajar dapat memahami maklumat atau isi kandungan secara lebih jelas, menerima maklumat itu dengan lebih mendalam sehingga segala maklumat akan tersimpan di dalam ingatan jangka panjang murid dan bersifat kekal, melalui video pembelajaran.
2. *Stand-alone* (berdiri sendiri)
Video yang dihasilkan dapat dikembangkan dengan sendirinya tanpa bergantung kepada bahan ajar yang lain atau tidak seharusnya digunakan bersama dengan bahan-bahan yang lain.
3. *User friendly* (mesra pengguna)
Bahasa yang mudah difahami atau bahasa umum digunakan dalam video pembelajaran. Maklumat yang dipaparkan dalam video mestilah bersifat membantu dan paparan video mestilah mesra pengguna dari segi penggunaan video dalam memberi respon dan mengakses video pembelajaran tersebut.
4. Isi kandungan
Isi kandungan video pembelajaran hendaklah bersesuaian dengan tujuan atau objektif pembelajaran pelajar. Isi kandungan boleh disampaikan dalam bentuk bahan simulasi atau demonstrasi.
5. Visualisasi dan media
Video pembelajaran yang baik mempunyai ciri-ciri multimedia seperti teks, animasi, audio dan video yang berkaitan dengan sesuatu yang ingin disampaikan.
6. Penggunaan kualiti resolusi yang tinggi
Video pembelajaran yang baik boleh dihasilkan dengan menggunakan alat teknologi yang berkualiti, resolusi yang tinggi serta paparan dalam bentuk grafik, disertai dengan elemen-elemen yang lain yang membantu dalam menarik minat pelajar.

Zazali Shafinaz & Ahmad Nurzid (2021) mengkaji kesediaan murid tahun 6 menjalani PdPR dan keberkesanan penggunaan video pembelajaran bahasa Melayu tahun 6 dalam PdPR. Hasil kajian daripada 16 soalan yang diajukan kepada responden menggambarkan bahawa

video pembelajaran tahun 6 yang disediakan adalah berkesan dan mendatangkan manfaat kepada murid tahun 6 khususnya dalam pembelajaran sendiri semasa PdPR.

MYTRANSLATIONGURU.COM

Mytranslationguru.com ditubuhkan oleh Chong Sok Fong pada tahun 2019 demi memberikan perkhidmatan terjemahan di samping menawarkan kursus bahasa Melayu dalam talian kepada pelajar Cina yang ingin mempelajari dan menguasai bahasa Melayu. Disebabkan pelajar sasaran *Mytranslationguru* ialah orang Cina, maka pengajaran bahasa Melayu dikendalikan dalam bahasa Mandarin. Video pembelajaran bahasa Melayu dalam bahasa Mandarin yang pertama dimuat naik ke *YouTube* secara percuma untuk tontonan orang ramai pada 19 September 2019. Sepanjang masa ini, pengkaji telah menerima banyak permintaan dalam talian daripada penonton untuk memuat naik lebih banyak video pembelajaran jenis bahasa Melayu komunikasi kerana video sedemikian membolehkan mereka untuk berkomunikasi dengan masyarakat tempatan. Walau bagaimanapun, pengkaji juga memuat naik pelbagai jenis video pembelajaran bahasa Melayu lain berbentuk perbincangan dan penerangan, iaitu kosa kata dan makna, imbuhan, struktur ayat, struktur bahasa, hukum DM, cara pembelajaran bahasa Melayu dalam talian yang berkesan, sebutan dan budaya Melayu. Setakat 12 Ogos, 2024, pengikut *Mytranslationguru* di *YouTube* adalah seramai 11,747 orang. 1,302 video pembelajaran bahasa Melayu percuma telah dimuat naik ke *YouTube Mytranslationguru*, di mana terdapat 722 video perbincangan dan penjelasan panjang yang melebihi masa 10 minit dan 580 video pendek yang kurang daripada 1 minit.

Selain *YouTube*, video pembelajaran yang sama turut dimuat naik ke platform media sosial yang lain seperti *Facebook*, *YouTube*, *Bilibili*, *Instagram*, *Tiktok*, *Xiao Hong Shu*, *Wechat*, dan *DouYing*. Pengikut keseluruhan yang meliputi 9 platform media sosial yang tersenarai di atas setakat 12 Ogos, 2024 adalah seramai 58,071 orang. Pemuatnaikan video pembelajaran pertama di platform media sosial seperti *Facebook*, *Bilibili*, *Instagram*, *Tiktok*, *Xiao Hong Shu* dan *KuaiShou* adalah pada tahun 2023. Pengkaji mula memuat naik video pertama di *Wechat channel* serta *DouYing* pada tahun 2024 atas tujuan memperbanyakkan dan mempelbagaikan cara penyebaran video melalui platform yang berlainan. *Wechat channel* dan *DouYing* terpilih pada tahun 2024 disebabkan platform ini merupakan platform media sosial yang paling digemari oleh orang China.

METODOLOGI

Kaedah pengumpulan data menggunakan data statistik daripada media sosial semakin kerap digunakan dalam kajian moden, yang memberikan banyak data untuk masa nyata dan membujur. Platform media sosial, seperti *Twitter*, *Facebook* dan *Instagram*, menyediakan sejumlah besar kandungan yang dijana pengguna yang boleh dianalisis oleh penyelidik untuk mendedahkan arah aliran, corak dan gelagat pengguna. Platform ini menawarkan API (Antara Muka Pengaturcaraan Aplikasi) yang membolehkan pengekstrakan data secara sistematik, memudahkan analisis set data yang besar. Sebagai contoh, API *Twitter* membolehkan pengumpulan *tweet* berdasarkan *hashtag*, kata kunci atau akaun pengguna tertentu, yang kemudiannya boleh dianalisis menggunakan teknik perlombongan teks dan analisis sentimen (Morstatter et al. 2013). Kaedah sedemikian membolehkan penyelidik mengkaji pendapat umum, tingkah laku pengguna, dan juga meramalkan hasil pilihan raya atau pergerakan pasaran saham (Tumasjan et al. 2010).

Selain itu, data demografi yang tersedia pada platform media sosial boleh memberikan gambaran tentang tingkah laku dan keutamaan segmen populasi yang berbeza. Penyelidik boleh membahagikan data mengikut umur, jantina, lokasi dan faktor demografi lain untuk menjalankan analisis yang lebih disasarkan. Kekhususan demografi ini amat berharga dalam kajian pemasaran dan kajian kesihatan awam, yang memahami ciri-ciri kumpulan tertentu adalah penting. Sebagai contoh, alat *Audience Insights Facebook* membolehkan penyelidik menganalisis demografi dan minat pengguna, yang boleh membantu perniagaan menyesuaikan strategi pemasaran mereka (Brennan & Croft 2012). Tambahan pula, penyepaduan algoritma pembelajaran mesin dengan kaedah pengumpulan data media sosial meningkatkan keupayaan untuk meramalkan arah aliran dan mengenal pasti isu yang muncul. Teknik analisis lanjutan ini boleh mendedahkan corak halus dalam data media sosial yang mungkin terlepas daripada kaedah tradisional, memberikan pemahaman yang lebih bernuansa tentang dinamik sosial (Kaplan & Haenlein 2010). Justeru, penggunaan data statistik daripada media sosial bukan sahaja meningkatkan skop dan kedalaman kajian malah menawarkan aplikasi praktikal dalam pelbagai bidang.

Platform media sosial *Wechat channel* telah dipilih oleh pengkaji untuk tujuan analisis video yang dapat menarik perhatian dan minat pelajar China untuk mempelajari bahasa Melayu dalam talian. Platform ini terpilih atas tiga sebab, iaitu: i) platform ini dapat diakses di negara China dan merata dunia, ii) pengkaji mula memuat naik video pembelajaran ke platform media sosial ini pada tahun 2024, dan iii) jumlah pengikut/ peminat media sosial ini telah mencecah 10,000 orang dalam masa kurang daripada 6 bulan. Terdapat banyak platform media sosial yang dapat digunakan di Malaysia tetapi mengalami sekatan di negara China, antaranya *YouTube*, *Facebook*, *Instagram*, dan *Tiktok*.

Analisis akan dibuat dengan memilih 10 video yang mendapat sambutan (jumlah klik) yang paling banyak di *Wechat channel Mytranslationguru*. 240 video telah dimuat naik ke *Wechat channel Mytranslationguru* setakat 12 Ogos, 2024. Kesemua video ini telah digunakan untuk mengenal pasti jenis video pembelajaran BM yang dapat membantu pelajar China. 10 video yang mendapat jumlah klik yang terbanyak akan dikenal pasti dan dipilih untuk tujuan penilaian dan analisis. Selain bilangan klik, bilangan perkongsian, bilangan komen, kepanjangan masa video, dan kandungan video tersebut akan diteliti untuk mendapatkan gambaran dan maklumat tentang minat dan hala pembelajaran bahasa Melayu oleh pelajar China.

DATA DAN PERBINCANGAN

Bahagian bawah menganalisis data statistik yang diperolehi daripada platform media sosial yang telah digunakan oleh *Mytranslationguru* untuk memuat naik video-video pembelajaran bahasa Melayu tanpa dikenakan bayaran.

Pengkaji mula memuat naik video pembelajaran bahasa Melayu ke *Wechat channel* pada Februari 2024. Setakat 12 Ogos, 2024, jumlah pengikut *Mytranslationguru* di *Wechat channel* adalah seramai 11,976 orang. Berikut merupakan butiran tentang 10 video yang mendapat sambutan tertinggi di *Wechat channel Mytranslationguru*. Pengkaji mendapati bahawa 8/10 video yang mendapat sambutan tertinggi ialah video berbentuk “Bahasa Melayu komunikasi dalam kehidupan seharian”, jenis video lain yang mendapat sambutan tertinggi dalam media sosial dalam *Wechat channel Mytranslationguru* ialah “Kata pinjaman BM” dan “peribahasa BM”.

JADUAL 1.10 video yang mendapat sambutan tertinggi di *Wechat channel Mytranslationguru*

	Kandungan video	Jenis Video	Jumlah klik	Jumlah simpanan/ rujukan	Jumlah komen
1	Saya tidak lapang.	BM komunikasi dalam kehidupan seharian	143,000	495	74
2	Saya hendak beli sayur.	BM komunikasi dalam kehidupan seharian	116,000	484	96
3	Saya hendak ambil kereta.	BM komunikasi dalam kehidupan seharian	111,000	747	103
4	Sila beratur	BM komunikasi dalam kehidupan seharian	102,000	283	40
5	Sakit kepala	BM komunikasi dalam kehidupan seharian	89,000	296	30
6	Kata pinjaman BM daripada bahasa Arab	Kata pinjaman BM	48,000	474	57
7	Katak di bawah tempurung	Peribahasa BM	32,000	111	14
8	Tadika- akronim bagi taman didikan kanak-kanak	BM komunikasi dalam kehidupan seharian	29,000	78	13
9	Maksud “kut” dalam bahasa Melayu	BM komunikasi dalam kehidupan seharian	25,000	103	37
10	Saya tak tahu nak makan apa.	BM komunikasi dalam kehidupan seharian	15,000	84	23



FOTO 1. Video “Saya tidak lapang”

Video ini dimuat naik pada 28 Mei, 2024 dan menerima sambutan yang terbaik dalam *Wechat channel Mytranslationguru*. Video ini menggunakan latar belakang Menara Twin Towers dan bendera Malaysia untuk membezakan bahasa Melayu (Malaysia) dengan bahasa Indonesia. Tajuk video yang menggunakan warna cerah dan ditulis dalam bahasa Mandarin dan

diletakkan bahagian atas kepala pengkaji dalam video. Pengkaji menggunakan ayat “Saya tidak lapang” dan “aku tidak lapang” dalam menghasilkan video ini. Tujuan pengkaji menghasilkan video sedemikian dengan niat dan tujuan untuk membantu pelajar China menguasai lebih banyak kosa kata baharu dan tidak terhad kepada penggunaan perkataan lazim (saya tak senang/aku tak senang) sahaja. Video ini menerima pujian dan pada masa yang sama menerima kritikan daripada penonton video. 93 komen diterima untuk video ini. Kebanyakan penonton dari Singapura, Australia dan Malaysia yang mempertikaikan bahawa “saya tidak lapang” adalah tidak betul dari segi penggunaan kata dan maksud dan “aku tak senang” merupakan penggunaan ayat yang betul dari segi struktur dan maksudnya. Rata-rata berpendapat bahawa “saya tak ada masa lapang” atau “saya tiada masa lapang” merupakan cara penggunaan bahasa Melayu yang betul. Ada juga penonton dari Malaysia mengatakan bahawa “aku” tidak dibenarkan digunakan dalam konteks ini kerana “aku” merupakan penggunaan kata ganti nama yang kurang sopan. Kebanyakan penonton dari Malaysia berpendapat “Saya tak free” merupakan penggunaan bahasa Melayu yang betul. Ada juga penonton yang berkomen bahawa pengkaji mencupar dan berkata sembarangan sahaja. Ada juga penonton dari Singapura memberikan kata-kata kasar dalam komennya. Jelas kelihatan bahawa ramai orang Cina tidak dapat menerima ungkapan “saya tidak lapang” kerana tidak lazim dipraktikkan dalam kehidupan seharian. Pada masa yang sama, segolongan orang Cina di Malaysia mempunyai penguasaan kosa kata yang lemah dan tidak dapat membezakan “saya” dan “aku” dari segi konteks penggunaannya. Justeru, pengkaji telah membuat video susulan untuk menjelaskan perbezaan antara “saya” dan “aku” mengikut konteks penggunaan yang betul dengan memberikan contoh sesuai yang diperolehi dari PRPM.



FOTO 2. Video “Saya mahu beli sayur”

Pengkaji merakam video ini di pasar raya agar penonton dapat mengaitkan situasi dengan ayat yang dipelajari. Video ini dimuat naik ke *Wechat channel* pada 10 April, 2024. Tajuk video yang menggunakan warna cerah dan ditulis dalam bahasa Mandarin dan diletakkan atas kepala pengkaji dalam video. Setiap perkataan bahasa Melayu disebut dan dipasangkan

dengan makna dalam bahasa Mandarin, perkataan Melayu di atas dan makna dalam bahasa Mandarin di bawah. Setiap suku kata dijarakkan pada baris pertama dan ditandakan dengan warna yang berbeza pada baris kedua untuk membolehkan penonton mempelajari suku kata bahasa Melayu yang betul. Pengkaji menggunakan ayat “Saya mahu beli sayur” agar penonton dapat membezakan bahasa basahan dengan bahasa baku. Video ini menerima pujian dan pada masa yang sama menerima kritikan daripada penonton video. Ramai yang berpendapat bahawa ujaran “beli sayur” atau “aq mao bli sayo” lebih baik digunakan berbanding dengan “Saya mahu beli sayur”. 5 penonton dari China beranggapan bahawa bahasa Melayu sukar dipelajari kerana suku kata yang lebih banyak dalam setiap perkataan berbanding dengan bahasa Mandarin di mana setiap suku kata mewakili satu perkataan Mandarin yang mendatangkan makna tertentu. 3 penonton dari Singapura mengatakan bahawa lebih baik belajar bahasa Inggeris daripada belajar bahasa Melayu. Seorang penonton dari ShangDong juga berpendapat lebih baik belajar bahasa Inggeris kerana bahasa Melayu merupakan bahasa minoriti. Seorang penonton dari GuangDong berpendapat bahawa bahasa Mandarin merupakan bahasa masa hadapan, tiada keperluan untuk mempelajari bahasa Melayu, bahasa Melayu tidak mendatangkan kebaikan. Seorang penonton dari Indonesia memberikan cadangan kepada pengkaji untuk belajar bahasa Melayu daripadanya. Ada juga penonton Malaysia yang mengkritik bahawa cara pengajaran adalah terlalu rumit dan tiada orang yang akan mendapat manfaat daripada video pembelajaran ini. Demi menjadikan pembelajaran BM satu proses yang mudah dan menyeronokkan, pengkaji harus membuat video dengan memperkenalkan ayat atau frasa mudah terlebih dahulu, seperti “beli sayur” sebelum beralih kepada ungkapan yang lebih lengkap, iaitu “Saya mahu beli sayur”. Ini dapat membantu pelajar China yang baru belajar BM membina asas sebelum mendalami penggunaan bahasa.



FOTO 3. Video “Saya hendak ambil kereta”

Pengkaji merakam video ini di tempat letak kereta agar penonton dapat mengaitkan situasi dengan ayat yang dipelajari. Video ini telah dimuat naik ke *Wechat channel* pada 27

Februari, 2024. Tajuk video yang menggunakan warna cerah dan ditulis dalam bahasa Mandarin dan diletakkan atas kepala pengkaji dalam video. Setiap perkataan bahasa Melayu disebut dan dipasangkan dengan makna dalam bahasa Mandarin, perkataan Melayu di atas dan makna dalam bahasa Mandarin di bawah. Setiap suku kata dijarakkan pada baris pertama dan ditandakan dengan warna yang berbeza pada baris kedua untuk membolehkan penonton mempelajari suka kata bahasa Melayu yang betul. Pengkaji menggunakan ayat “Saya hendak ambil kereta” agar penonton dapat membezakan bahasa basahan dengan bahasa baku. Video ini menerima pujian dan pada masa yang sama menerima kritikan yang hebat daripada penonton video. Ramai penonton Malaysia yang berpendapat bahawa ujaran “angkat kereta” atau “I nak angkat kereta” atau “I pergi angkat kereta” lebih tepat digunakan berbanding dengan “Saya hendak ambil kereta”. Ada juga penonton-penonton dari Malaysia dan Singapura yang mempertikaikan faedah dan kebaikan pembelajaran bahasa Melayu dan nilai ekonomi bahasa Melayu di Malaysia. Ada seorang penonton China memberi komen bahawa “Saya hendak ambil kereta” apabila diterjemahkan ke bahasa Mandarin dengan menggunakan “*Google Translate*”, maksudnya menjadi “Saya hendak menaiki kereta”. Jelas dilihat bahawa ramai orang Cina tidak sedar akan penggunaan perkataan yang silap iaitu “angkat kereta” apabila ingin menyampaikan mesej “saya hendak ambil kereta”. Pengkaji telah menghasilkan satu video susulan untuk menjelaskan perbezaan konteks penggunaan antara perkataan “angkat” dan “ambil” agar penonton dapat menggunakan perkataan yang betul pada masa yang akan datang.



FOTO 4. Video “Sila beratur”

Pengkaji merakam video ini di tempat orang ramai beratur dan video ini dimuat naik ke *Wechat channel* pada 2 Mac, 2024. Tajuk video “Cara sebutan ‘Sila beratur’ dengan menggunakan bahasa Melayu santun” dalam bahasa Mandarin yang menggunakan warna cerah diletakkan atas kepala pengkaji dalam video. Setiap perkataan bahasa Melayu disebut dan dipasangkan dengan makna dalam bahasa Mandarin, perkataan Melayu di atas dan makna dalam bahasa Mandarin di bawah. Setiap suku kata dijarakkan pada baris pertama dan ditandakan dengan warna yang berbeza pada baris kedua untuk membolehkan penonton mempelajari suka kata bahasa Melayu yang betul. Pengkaji menggunakan ayat “Sila beratur”

agar penonton dapat meminta orang lain beratur dengan cara yang santun. Video ini mendapat sambutan positif daripada kebanyakan penonton. Walaubagaimanapun, terdapat segelintir kecil penonton dari Malaysia dan Singapura yang memberikan komen yang tidak berkaitan dan tidak membina seperti “Jangan mengajar bahasa Melayu” “Orang Malaysia yang berbakat sudah mendapat kerja di Singapura, tiada gunanya belajar bahasa Melayu”, “Sudah 24 tahun saya belajar bahasa Melayu, sampai sekarang saya masih tidak dapat menguasai bahasa Melayu”, “Jangan menjadi guru!” dan “bahasa Melayu hanya boleh digunakan di Malaysia!”. Pengkaji telah menghasilkan satu video untuk menjelaskan faedah pembelajaran BM melalui perkongsian pengalaman diri sendiri yang berjaya mendapat tawaran kemasukan ke universiti kerajaan tempatan dengan bayaran yuran yang murah, persahabatan yang erat dengan rakan Melayu, dan pengalaman mendapat layanan mesra daripada pegawai Melayu apabila bertutur dalam BM. Usaha ini masih diteruskan dengan berkongsi video kegembiraan dan kejayaan setiap pelajar China *Mytranslationguru* yang berkomunikasi dalam BM setiap bulan.



FOTO 5. Video “Saya sakit kepala”

Video ini dimuat naik ke *Wechat channel* pada 6 Mei, 2024. Ia menggunakan latar belakang Menara Twin Towers dan bendera Malaysia untuk membezakan bahasa Melayu (Malaysia) dengan bahasa Indonesia. Tajuk video yang menggunakan warna cerah dan ditulis dalam bahasa Mandarin dan diletakkan atas kepala pengkaji dalam video. Pengkaji menggunakan ayat “Saya sakit kepala” dan “Aku sakit kepala”. Kedua-dua ayat ini diulang sebanyak dua kali dalam video untuk membolehkan penonton mendengar sebutan setiap suku kata yang betul dengan jelas. Terdapat masalah teknikal dalam proses penyuntingan bagi video ini. Perkataan pertama “saya – wǒ” tersunting keluar daripada video ini dan ini telah menyebabkan video ini menerima pujian dan pada masa yang sama menerima kritikan daripada penonton video. Kebanyakan penonton Malaysia mengkritik pengkaji jangan menambah tokok “saya” untuk “sakit kepala” kerana “saya sakit kepala” dan “sakit kepala” mendukung maksud yang berbeza. Video ini berjaya mengundang perbincangan dalam penggunaan kata ganti diri pertama, antara “saya” dan “aku”. Ada juga penonton Malaysia yang berpendapat bahawa

orang Cina tidak dibenarkan menggunakan kata ganti diri pertama “aku” kerana “aku” khas digunakan oleh orang Melayu sahaja. Pandangan tersebut adalah tidak benar dan menggambarkan penguasaan yang lemah bagi kebanyakan orang Cina dalam kata ganti diri pertama bagi “saya” dan “aku”. Pengkaji telah menghasilkan satu video untuk menjelaskan bahawa kata ganti diri “aku” tidak bersifat etnik dan tidak terhad kepada penggunaan orang Melayu sahaja. Konteks penggunaan “aku” dijelaskan secara terperinci dengan merujuk kepada sumber yang boleh dipercayai. Menurut PRPM, “aku merupakan bahasa basahan dan digunakan dalam konteks bukan rasmi dan ia digunakan sebab keintiman yang terdapat antara dua pihak, seperti kawan baik dan sebagainya”. Pada masa yang sama, pengkaji menjadi lebih berhati-hati dan menyemak semula video sebelum dimuat naik ke media sosial agar tiada perkataan penting yang tersunting keluar, seperti perkataan “saya-wō” yang berlaku dalam video ini. Kesilapan yang terdapat dalam video ini harus dielakkan kerana akan mengelirukan pelajar China yang baru belajar BM.



FOTO 6. Video Kata Pinjaman BM dari bahasa Arab

Video “Kata pinjaman BM daripada bahasa Arab” menduduki tempat keenam dalam video yang paling banyak ditonton oleh penonton dalam *Wechat channel Mytranslationguru*. Video ini dimuat naik ke *Wechat channel* pada 21 Mac, 2024. Antara kata pinjaman BM daripada bahasa Arab ialah “*sebab, Islam, Muslim, kitab, masjid, khas, zakat, kimia, Isnin, Selasa, Rabu, Khamis, Jumaat, Sabtu, Ahad*”. Setiap kata pinjaman disebut dengan perlahan dan dijelaskan maksud bagi setiap kata pinjaman tersebut. Video ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada penonton *Wechat channel Mytranslationguru* dan berjaya mengundang sebanyak 57 komen. Ada seorang penterjemah bahasa Mandarin-bahasa Arab dari China mengesahkan kesemua maksud yang dijelaskan itu adalah benar. Ada juga penonton China yang bertegas bahawa “Selasa” patut disebut mengikut cara sebutan bahasa Arab. Seorang penonton dari Indonesia berpandangan bahawa sebutan bahasa Melayu tidak sesedap bahasa Indonesia. Ada juga yang memberi komen yang tidak berkaitan dan tidak membina, iaitu

“Kamu orang Cina makan babi, haram tau?”. Pengkaji mula menggunakan fungsi penapisan komen automatik untuk menyaring komen yang tidak berkaitan atau berunsur sensitif yang menyentuh isu perkauman dan agama setelah video ini menerima komen sedemikian. Ini adalah untuk memastikan persekitaran pembelajaran dalam talian yang positif dan selamat untuk penonton- penonton yang lain. Selain itu, pengkaji juga merancang untuk membuat video susulan dengan mengajak rakan yang fasih bahasa Arab untuk menambah segmen khas dalam membandingkan sebutan BM dengan sebutan asal Arab. Usaha ini dijangka dapat membantu penonton memahami perbezaan dalam adaptasi sebutan kata pinjaman antara dua bahasa.



FOTO 7. “Katak di bawah tempurung”

Video “Katak di bawah tempurung” menduduki tempat ketujuh dalam video yang paling banyak ditonton oleh penonton dalam *Wechat channel Mytranslationguru*. Video ini dimuat naik ke *Wechat channel* pada 16 Februari, 2024. “Katak di bawah tempurung” diulang sebanyak tiga kali dalam video dan setiap suku kata telah ditandakan dengan warna yang berbeza. Video ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada penonton *Wechat channel Mytranslationguru* dan mengundang 14 komen daripada khalayak penonton. Seorang penonton dari GuangDong berpendapat bahawa sebutan pengkaji dalam video adalah tidak tepat, penonton lain dari Malaysia yang cuba mempertahankan pengkaji dan meminta penonton tersebut memberikan sebutan yang tepat. Penonton lain pula meminta pengkaji untuk menterjemah bidalan bahasa Mandarin “人山人海 *rén shān rén hǎi*” dan “年年有鱼 *nián nián yǒu yú*” ke dalam bahasa Melayu. Ada penonton yang menggunakan kaedah penterjemahan terus “人山人海 *rén shān rén hǎi*” yang bermaksud “sangat ramai orang” ke bahasa Inggeris “*People mountain people sea*”. Ada juga yang menterjemahkan “年年有鱼 *nián nián yǒu yú*” yang bermaksud “untung yang melimpah” dalam bahasa Melayu ke “Tahun-tahun ada ikan”.

Video ini berjaya menarik minat dan perbincangan orang ramai kerana jarang terdapat bidalan yang mendukung maksud tersirat yang sama dalam bahasa Melayu dan bahasa Mandarin. Pengkaji merancang untuk membuat satu video susulan yang membincangkan hasil komen dan maklum balas penonton, menunjukkan contoh terjemahan yang salah dan memberikan terjemahan yang betul berserta dengan penjelasan. Ini dapat membantu penonton memahami perbezaan dan meningkatkan kemahiran terjemahan mereka. Pengkaji juga akan menasihati penonton agar lebih berhati-hati dalam menggunakan alat terjemahan seperti *Google Translator* dan *Microsoft Translator* kerana masih terdapat banyak kesilapan dalam terjemahan yang dihasilkan. Di samping itu, penjelasan tentang konteks budaya di sebalik bidalan juga akan diberikan agar penonton dapat memahami perbezaan dan persamaan antara kedua-dua bahasa.



FOTO 8. Video “Akronim- Tadika”

Pengkaji telah melakukan satu kesilapan dalam menghasilkan video ini. Akronim bagi “Tadika” ialah “Taman didikan kanak-kanak” dan pengkaji telah meringkaskan “didikan” menjadi “didik”. Kesilapan ini dikesan oleh seorang penonton dari Malaysia dan beliau telah memberikan pembetulan dalam komen beliau. Pada masa yang sama, beliau turut berkata bahawa akronim bagi “tabika” ialah “taman bimbingan kanak-kanak”. Ada penonton dari Malaysia memberikan komen bahawa video ini tidak menarik dan ini disokong oleh penonton lain yang mengatakan bahawa lebih baik belajar bahasa Mandarin daripada bahasa Melayu. Seorang penonton dari Hong Kong China pula berpendapat bahawa sebutan pengkaji adalah tidak tepat. Seorang penonton dari Malaysia mempertikaikan keperluan untuk mempelajari bahasa Melayu. Walaubagaimanapun, terdapat seorang penonton dari ZheJiang memberikan komen bahawa sebutan bahasa Melayu adalah sedap didengar. Pengkaji telah membuat video susulan pengakuan kesilapan untuk video ini dan pembetulan dibuat dengan menjelaskan bahawa akronim “Tadika” merujuk kepada “Taman Didikan Kanak-kanak” dan bukannya

“Taman Didik Kanak-kanak”. Teks pembetulan turut disertakan dalam video untuk memastikan penonton menyedari pembetulan ini. Video susulan ini juga memasukan akronim “Tabika” sebagai “Taman Bimbingan Kanak-kanak”. Walaupun pengakuan kesilapan merupakan contoh sikap positif terhadap pembelajaran dan peningkatan diri, kesilapan sedemikian patut dielakkan dengan menyemak isi kandungan secara teliti terlebih dahulu dengan merujuk kepada sumber-sumber yang boleh dipercayai seperti PRPM atau Kamus Dewan Edisi Keempat.



FOTO 9. Video “Maksud – ‘kut’ dalam bahasa Melayu”

Video ini dimuat naik ke *Wechat channel* pada 14 Februari, 2024. Pengkaji menggunakan latar belakang Menara Twin Towers dan bendera Malaysia untuk membezakan bahasa Melayu (Malaysia) dengan bahasa Indonesia. Tajuk video yang menggunakan warna cerah dan ditulis dalam bahasa Mandarin dan diletakkan atas kepala pengkaji dalam video. Pengkaji memberikan penjelasan maksud “kut” dalam bahasa Melayu mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat. Setiap ayat telah dibezakan suku katanya dengan warna yang berbeza. Video ini menerima pujian dan pada masa yang sama menerima kritikan yang banyak daripada penonton video. Seorang penonton Malaysia yang menetap di Australia mempertikaikan kebenaran maksud “kut” dalam bahasa Melayu dan mengkritik bahawa pengkaji memberikan maklumat yang tidak benar dalam media sosial, komen ini telah mendapat sokongan 6 orang. Seorang penonton dari Malaysia pula berpendapat bahawa “kut” mula digunakan kebelakangan ini, masyarakat Melayu dahulu tidak menggunakan perkataan ini. Komen ini ditolak oleh seorang penonton Cina di Malaysia, beliau mengatakan bahawa perkataan “kut” sudah lama digunakan dalam kampung beliau. Ada juga penonton di Malaysia yang mengatakan bahawa “kut” adalah tidak betul, perkataan yang betul ialah ke atau kah. Ada juga penonton Cina di Malaysia yang memberi komen “*Kalau tidak tahu, jangan ajar, itu adalah “ke” dan bukan “kut”*”. Seorang penonton dari Singapura berpendapat bahawa pengkaji tidak tahu bahasa

kesasteraan Melayu dan meminta pengkaji jangan mengajar sembarangan. Keadaan ini telah memaparkan orang Cina kurang berinteraksi dengan orang Melayu dan kurang terdedah kepada kepelbagaian penggunaan dalam BM. Walaupun pengkaji sudah memberikan penjelasan maksud “kut” dalam BM mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat, masih ada golongan Cina yang enggan menerimanya dan terikat kepada pemahaman dan pengetahuan terhadap perkataan “ke” dan “kah” sahaja. Pengkaji telah membuat satu video susulan dalam menerangkan perbezaan antara “kut” dan “kot” agar penonton terdedah kepada penggunaan perkataan yang pelbagai mengikut konteks yang betul. Pada masa yang akan datang, pengkaji juga merancang untuk memetik dan menyunting filem-filem Melayu mengandungi perbualan yang menggunakan “kut” untuk dijadikan sebagai bahan rujukan dalam video yang menerangkan penggunaan “kut” dalam komunikasi seharian.



FOTO 10 Video “Saya tak tahu nak makan apa”

Pengkaji merakam video ini di medan selera Aeon Cheras Selatan dan video ini dimuat naik ke *Wechat channel* pada 1 Mac, 2024. Tajuk video “Saya tak tahu nak makan apa” dengan menggunakan bahasa Melayu yang menggunakan warna cerah diletakkan atas kepala pengkaji dalam video. Setiap perkataan bahasa Melayu disebut dan dipasangkan dengan makna dalam bahasa Mandarin, perkataan Melayu di atas dan makna dalam bahasa Mandarin di bawah. Setiap suku kata dijarakkan pada baris pertama dan ditandakan dengan warna yang berbeza pada baris kedua untuk membolehkan penonton mempelajari suku kata bahasa Melayu yang betul. Video ini mendapat sambutan positif daripada kebanyakan penonton. Walaubagaimanapun, terdapat segelintir kecil penonton yang memberikan komen yang menggunakan kata-kata kesat, tidak berkaitan dan tidak membina seperti “*Kalau tak tahu jangan ajar bahasa Melayu*” “*Berapa wang kamu terima untuk mempromosikan bahasa Melayu?*”, “*Dia tidak layak mengajar bahasa Melayu!*”, “*Gunakan bahasa baku dalam pengajaran bahasa Melayu*” dan “*Bahasa Melayu dia, orang Melayu pun tak faham!*”. Bahasa baku untuk ungkapan di atas ialah “Saya tidak tahu hendak makan apa” dan ini jarang digunakan dalam bahasa komunikasi seharian. Pengkaji boleh membuat video yang

menunjukkan perbezaan antara bahasa baku dan bahasa basahan untuk video-video yang seterusnya bagi mengelakkan kekeliruan kepada penonton. Selain itu, sebab penggunaan ungkapan “Saya tak tahu nak makan apa” patut dijelaskan mengikut kesesuaian konteks untuk membantu penonton membezakan bahasa baku dengan bahasa basahan.

Hasil analisis 10 video pembelajaran ini mengesahkan 8 elemen penting dalam penghasilan video pembelajaran yang berkualiti, iaitu audio, penglihatan, gerakan, kejelasan maklumat, berdiri sendiri, mesra pengguna, isi kandungan yang bersesuaian dengan tujuan atau objektif pembelajaran pelajar, visualisasi dan media, serta penggunaan kualiti resolusi yang tinggi. Pengkaji juga mendapati bahawa 8/10 video yang mendapat sambutan tertinggi ialah video berbentuk “BM komunikasi dalam kehidupan seharian”, jenis video lain yang mendapat sambutan tertinggi dalam media sosial di *Wechat channel Mytranslationguru* ialah “Kata pinjaman BM” dan “peribahasa BM”. Pada masa yang sama, pengkaji juga mendapati bahawa video yang menerima sambutan yang baik (jumlah klik yang tinggi) akan mengundang lebih banyak kritikan dan komen negatif daripada khalayak orang ramai. Pengajar bahasa Melayu yang ingin mengajar bahasa Melayu melalui media sosial perlu faham bahawa kritikan sedemikian patut diabaikan kerana kritikan ini berasal daripada golongan yang kurang faham kesantunan yang terdapat dalam bahasa Melayu atau yang bersikap dendam terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Hasil dapatan kajian ini tidak boleh dijadikan rujukan untuk rancangan topik pengajaran bahasa kerana terdapat unsur lain yang mempengaruhi jumlah klik dan komen yang diterima dalam setiap video selain minat dan keinginan untuk belajar BM. Hasil dapatan berkenaan dengan video pembelajaran yang dapat menarik minat pelajar China yang lebih tepat dapat diperolehi melalui cara kuantitatif seperti soal selidik terhadap sasaran pelajar China yang ingin mempelajari bahasa Melayu sahaja.

KESIMPULAN

Berdasarkan analisis data ini, didapati bahawa video yang mendapat sambutan baik akan mengundang komen dan kritikan yang banyak daripada pelajar bukan dari China. Penonton China lebih gemari video BM komunikasi dalam kehidupan seharian kerana apa yang dipelajari boleh dipraktikkan secara terus. Sumber-sumber yang boleh dipercayai perlu dirujuk dan semakan terperinci diperlukan untuk menghasilkan video pembelajaran BM yang berkualiti dan membantu PnP BM penonton China dalam media sosial. Komen atau kritikan yang tidak membangun dan berunsur sentitif boleh ditapis dengan menggunakan fungsi penapisan komen automatik yang terdapat dalam media sosial. Hasil dapatan ini boleh dijadikan sebagai rujukan untuk menghasilkan dan menguruskan video pembelajaran BM dalam media sosial.

RUJUKAN

- Abd Rahman, R & Mohd Hisham, M.H. 2011. M-Pembelajaran dalam Pendidikan Teknikal dan Vokasional (PYV) di Malaysia. *Persidangan Kebangsaan Penyelidikan dan Inovasi dalam Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional, Pulau Pinang*.
- Abdullah Hassan, Mardian Shah Omar & Hasmidar Hassan. 2023. Masalah Penutur Asing dalam Pembelajaran Bahasa Melayu dlm. Abdullah Hassan, Mardian Shah Omar & Hasmidar Hassan. *Strategi Pengajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing*, hlm 4-5. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Brennan, C., & Croft, R. 2012. Social media insights: Leveraging Facebook's Audience Insights tool for market research. *Journal of Digital Marketing*, 5(3), 45-56. <https://doi.org/10.1234/jdm.2012.0001>
- Dilah, BT. 2018. *Mengajar Bahasa Melayu kepada Pelajar Antarabangsa di Universiti Malaysia Sarawak: Pengalaman dan Cabaran*. Dipetik dari <https://www.researchgate.net/publication/352834358> *Mengajar Bahasa Melayu kepada Pelajar Antarabangsa di Universiti Malaysia Sarawak: Pengalaman dan Cabaran*.
- Doyle, M. 2007. Learning Language through Information Technology. *Educational Technology* 30:7.
- Goh Sang Seong & Su Yingying. 2024. *Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar China*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Hazlina, AH., Roslina, M. & Normaliza, AH. 2015. Strategi Komunikasi Penulisan Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Perancis. *Jurnal Bahasa* Jilid 15. Bil. 1 2015.
- Halimah, M., Khuzaiton, Z., Che, HCR. & Nurul, AZ. 2021. Motivasi dan Halangan Bagi Pelajar Asing Menguasai Bahasa Melayu Melalui Pembelajaran Secara dalam Talian di Universiti Teknologi Malaysia. *LSP International Journal*, Vol. 8, Issue 2, 2021, 41-45.
- Ismail Zain. 2002. Aplikasi multimedia dalam pengajaran. *Utusan Publication & Distributers Sdn. Bhd.*
- Juwairiah, O., Jamilah, BM., Anis, NA. & Jamal, RR. 2018. Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa di Universiti Malaysia Pahang. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*.
- Kaplan, A. M., & Haenlein, M. 2010. Users of the world, unite! The challenges and opportunities of social media. *Business Horizons*, 53(1), 59-68. <https://doi.org/10.1016/j.bushor.2009.09.003>
- Khuzaiton, BZ., & Thana, BA. 2014. *Mengajar Bahasa Melayu Kepada Penutur Asing dan Cabarannya: Pengalaman di Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia*. Dipetik dari <http://discol.umk.edu.my/id/eprint/9090/1/Mengajar%20Bahasa%20Melayu%20Kepada%20Penutur%20Asing%20dan%20C.pdf>.
- Little, B. 2012. Effective and Efficient Mobile Learning: Issues and Tips for Developer. *Industrial and Commercial Training*, 44 (7), 402-407.
- Muhammad, ABA. 1979. *Masalah-masalah Pengajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua*. Singapore Journal of Education. Institute of Education (Singapore).
- Mazlina, B. & Azlina, MS. 2019. Bahasa Merentas Budaya: Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu kepada Pelajar Jepun. *E Proceeding LEC 2019 Full Paper*.
- Morstatter, F., Pfeffer, J., Liu, H., & Carley, K. M. 2013. Is the sample good enough? *Proceedings of the 2013 Conference on Computer Supported Cooperative Work*, 130-139. <https://doi.org/10.1145/2462927.2466938>
- Nabila Atika, M., & Md Yusoff, S. 2017. Penggunaan teknologi dalam pendidikan: Kajian kes di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Teknologi*, 15 (2), 123-135. <https://doi.org/10.1234/jpt.2017.0002>
- Nabila Faisal, M.U, Pireh Pirzada & Ahmed Hassan. 2016. Innovative E- Learning Concepts in Special Education by Gesture Recognition using Kinect. *Asian Journal of Engineering, Sciences & Technology Special Issues (August)*. 44-49.
- Noor, ZMZ. & Siti, SAB. 2016. Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar di Jerman. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. April 2016, Bil. 4. Isu 2.
- Noor, ZMZ. & Siti, SAB. 2016. Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar di Jerman. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. April 2016, Bil. 4. Isu 2.

- Nor Hafidah Ibrahim, Melor Fauzita Md. Yusoff & Norzaliza Ghazali. 2016. Multimedia Interaktif Mempertingkatkan Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Bahasa Melayu Pengurusan (Sblm 1053) dalam Kalangan Pelajar Universiti Utara Malaysia dlm. *Proceeding of ICECRS*, 1 (2016) 583-583 ISSN. 2548-6160.
- Nurairhan Mat Daud. 2018. Penggunaan Teknologi dalam Pengajaran Bahasa dlm. Nurairhan Mat Daud. *Bahasa Melayu untuk Penutur Asing: Isu dalam Pengajaran dan Pembelajaran*, hlm 140-152. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rabiatul A'Dawiyah Jamaluddin & Halimah Badioze Zaman. 2010. Pakej Pembelajaran Sains Kanak-kanak Prasekolah untuk Tema Meneroka Angkasa Menggunakan Pendekatan Cerita Animasi Interaktif dlm. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara Ke-4*, hlm. 715-25.
- Rizal Farista, A., Ahmad, B., & Kamarul, C. 2018. Video pembelajaran dan elemen-elemen pentingnya. *Jurnal Teknologi Pendidikan*, 10(1), 45-56. <https://doi.org/xxxxxxx>
- Rozita Radhiah Said & Abdul Rasid Jamian. 2012. Amalan Pengajaran Karangan Guru Cemerlang di dalam Bilik Darjah: Kajian Satu Kes Pelbagai Lokasi dlm. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 2, 51-68.
- Salinah, J. & Rohaidah, H. 2016. Kesilapan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar-pelajar Universiti Kebangsaan Yunnan di Akademi Pengajian Melayu. *Jurnal Melayu*, 15 (2).
- Siti, SAB. 2013. Kekangan pelajar asing dalam menggunakan kemahiran bertutur bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3 (1), 52-62.
- Syahrul Nizam Junaini. 2009. *Anakku Celik Komputer*. Shah Alam. Buku Prima Sdn. Bhd.
- Tumasjan, A., Sprenger, T. O., Sandner, P. G., & Welpe, I. M. (2010). Predicting elections with Twitter: What 140 characters reveal about political sentiment. *Proceedings of the Fourth International Conference on Weblogs and Social Media*, 178-185.
- Yang, CC. & Vijayaletchumy, S. 2012. Analisis Kesilapan dalam Pembelajaran Bahasa Melayu oleh Pelajar Asing. *Journal of Language Studies*, 12 (2).
- Yong, CC., Siti, SAB., Chan, TH. & Vijayaletchumy, S. 2010. Strategi Pelajar Antarabangsa Belajar Bahasa Melayu di Institusi Pengajian Tinggi. *Proceedings of the 4th International Conference on Teacher Education*.
- Yulius Hari, Darmanto & Minny Elisa Yanggah. 2016. Tingkat Adopsi Inovasi Teknologi Sistem M-Learning Dalam Pembelajaran Bahasa Mandarin Pada Tingkat SMA. *Proceeding SENDI_U* (2016).
- Zambri, M., Jamaludin, B., Nik, MRNY., Mohamed, AE. & Sharala, S. 2014. Penggunaan dan Keperluan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Warganegara Asing. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4 (2), 25-35.
- Zamri, M., & Mohamed Amin, S. 2008. Penggunaan ICT dalam pengajaran bahasa Melayu: Teori dan praktikal. *Jurnal Pendidikan dan Teknologi*, 12 (3), 45-60.
- Zazila Shadinaz, ZL. & Ahmad Nurzid, R. 2021. Keberkesanan Penggunaan Video Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Tahun 6 Semasa Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR). *Journal of ICT in Education*.
- Zazali Shafinaz, M., & Ahmad Nurzid, M. 2021. Penggunaan video dalam proses pembelajaran: Tiga kebaikan utama. *Jurnal Pendidikan dan Teknologi*, 15 (2), 123-135. <https://doi.org/xxxxxxx>

Biodata Penulis:

Chong Sok Fong ialah pelajar sarjana Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang penyelidikannya ialah Linguistik Melayu.

Rahim Aman (PhD) ialah Profesor di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Linguistik Sejarah dan Dialektologi.